

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam melanjutkan pemberian moratorium. Apakah alternatif lain yang dapat diberikan kepada rakyat dalam membantu mengurangkan tekanan kewangan isi rumah semasa menghadapi cabaran pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Kerajaan telah memberikan moratorium secara menyeluruh ke atas pinjaman bank selama 6 bulan sehingga September 2020 sebagai sebahagian langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN) untuk membantu meringankan beban rakyat dan perniagaan. Bantuan akan terus diberikan meskipun selepas moratorium secara menyeluruh berkenaan berakhir. Bermula pada 1 Oktober 2020, Kerajaan telah melaksanakan moratorium secara bersasar khusus kepada individu, isi rumah atau PKS yang kehilangan pekerjaan dan pendapatan mereka terjejas sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021.

2. Selain daripada kemudahan moratorium tersebut, Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa inisiatif khusus yang bertujuan untuk turut membantu mengurangkan beban tekanan kewangan isi rumah seperti:-

- a. Pemberian tunai *one-off* melalui tambahan RM100 bagi Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pelaksanaan pemberian tunai *one-off* Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang pertama kali mensasarkan bayaran bantuan kepada golongan M40 di samping golongan B40. Kerajaan kemudiannya membuat keputusan dengan meneruskan bantuan pemberian tunai ini melalui Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0).
- b. Bantuan tunai kepada golongan mudah terjejas meliputi Orang Kurang Upaya, ibu tunggal serta sukarelawan Khidmat Bantu di Rumah.
- c. Bantuan tunai turut disalurkan kepada golongan pemandu teksi, pemandu pelancong dan pemandu *e-hailing* serta bantuan khas kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kesemua bantuan ini merupakan inisiatif berbentuk *one-off* yang bertujuan membantu rakyat dalam tempoh jangka masa pendek.

3. Kerajaan turut mengurangkan bebanan rakyat yang mempunyai keperluan kesihatan melalui Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PEKA B40) yang dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. Selain itu, pemberian diskaun bil elektrik yang mana para pengguna domestik akan memperoleh diskaun bermula dari dua hingga 50 peratus berdasarkan jumlah penggunaan elektrik bulanan. Di samping itu, Kerajaan turut memperkenalkan subsidi tambang pengangkutan awam MY30 dalam menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan melalui pas perjalanan bulanan tanpa had di sekitar Lembah Klang kepada rakyat.

5. Dalam usaha mengurangkan bilangan rakyat yang terjejas dan peningkatan pada jumlah pengangguran, Kerajaan telah mengumumkan Program Subsidi Upah atau (PSU) yang merupakan bantuan kewangan untuk membantu majikan yang terkesan dari segi ekonomi akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan punca pendapatan.

6. Kerajaan turut memperkenalkan Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran bagi golongan belia dan penganggur melalui program latihan yang disediakan dapat memanfaatkan hampir 200,000 belia dan penganggur. Beberapa Kementerian dan agensi telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan program “*reskilling & upskilling*” dan menyediakan tenaga kerja yang dapat memenuhi kehendak industri.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

7. Selain itu, terdapat pelbagai inisiatif tambahan telah diumumkan dalam Belanjawan 2021 pada 6 November yang lalu bagi membantu kewangan isi rumah yang masih terjejas akibat pandemik COVID-19 antaranya ialah:-

- a. Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) merupakan bantuan kewangan sehingga RM1,800 kepada isi rumah yang layak. BPR merupakan penambahbaikan kepada BSH di mana bukan

sahaja golongan sasar diperluaskan, nilai bantuan yang diberikan juga telah ditingkatkan;

- b. Pelanjutan tempoh moratorium bagi golongan B40 atau pengurangan 50% bayaran pinjaman selama 6 bulan bagi yang layak;
- c. Pengurangan cukai pendapatan sebanyak 1% bagi pendapatan bercukai RM50,001-RM70,000;
- d. Pelanjutan inisiatif pas perjalanan tanpa had My30 bagi perkhidmatan bas dan rel dengan peruntukan sebanyak RM300 juta;
- e. Pengurangan kadar caruman minimum KWSP pekerja dari 11% kepada 9% mulai Januari 2021 untuk tempoh 12 bulan; dan
- f. Pengeluaran simpanan KWSP Akaun 1 secara bersasar bagi ahli yang kehilangan pekerjaan iaitu pengeluaran RM500 sebulan sehingga RM6,000 untuk 12 bulan.

8. Kerajaan komited dalam memastikan semua program yang sedang berlangsung dan yang telah dicadangkan bagi tahun 2021 akan dilaksanakan secara cekap dan berkesan melalui unit LAKSANA di bawah kementerian kewangan. Saya sendiri akan melaporkan kemajuan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkenaan setiap minggu.